



KOLEJ PROFESIONAL MARA
Ayer Molek, Melaka
KM 16, Jalan Tiang Dua
75460 AYER MOLEK
MELAKA.



Tel. : 06-2695 881 / 882
Faks : 06-2695 880
Laman Web : www.mara.gov.my

Ruj. Kami : KPMAM.100-1/5/1 Jld 2 (15)
Tarikh : 19 Disember 2025
28 Jamadilakhir 1447H

Kontraktor/Pembekal,

Tuan/puan,

GARIS PANDUAN KESELAMATAN: PROSEDUR KELUAR/MASUK KOLEJ PROFESIONAL MARA (KPM) AYER MOLEK

Perkara di atas adalah dengan hormatnya dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa semua kontraktor/pembekal yang memasuki Kolej Profesional MARA (KPM) Ayer Molek adalah **WAJIB** mendaftar di balai pengawal sebagai akses rasmi bagi urusan keluar/masuk kolej berkuatkuasa serta-merta.

3 Arahan ini dikeluarkan bertujuan untuk meningkatkan keselamatan di kawasan kolej serta memastikan pergerakan warga kolej direkodkan dengan tepat dan sistematik. Prosedur keluar dan masuk kolej hendaklah dipatuhi seperti ketetapan berikut:

- i. **WAJIB** turun dari kenderaan untuk proses pendaftaran sebelum berada di dalam kawasan kolej;
- ii. **WAJIB** menulis maklumat yang lengkap dalam Buku Log Kontraktor/Pembekal di pintu utama balai pengawal;
- iii. Tunjukkan dokumen sokongan dan dapatkan pas kontraktor/pembekal daripada pengawal bertugas;
- iv. Pulangkan pas serta dapatkan pengesahan pengawal bertugas sebelum dibenarkan keluar kolej.

...5. Bersama-sama ini dilampirkan infografik garis panduan untuk rujukan tuan/puan.

Perhatian dan kerjasama tuan/puan adalah diharapkan bagi memastikan pelaksanaan arahan ini berjalan dengan lancar.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"LUAR BANDAR SEJAHTERA"

Saya yang menjelankan amanah,


NOOR ZILAWATI BINTI SABTU
Pengarah
Kolej Profesional MARA Ayer Molek
Melaka

